

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 JANUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7

### SPKM sebagai persijilan tunggal TVET negara



**SIVAKUMAR (tengah) ketika hadir Majlis Amanat Tahun Baharu di KSM, Putrajaya semalam.**

## SPKM sebagai persijilan tunggal TVET negara

**PUTRAJAYA** – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menca-dangkan agar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ditetapkan sebagai persijilan tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Menurut Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, ia dicadangkan dilaksanakan bagi semua program Tahap 1 hingga 5 dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Katanya, kecelaruan pelaksanaan TVET di negara ini dilihat berpunca daripada kewujudan pelbagai persijilan yang diakreditasi oleh dua agensi kawal selia iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Agensi Kelayakan Malaysia

(MQA).

Susulan itu, katanya, penyeragaman program TVET berasaskan SPKM itu bakal menjadi satu wadah baharu dalam memperkasakan TVET negara.

“Sebagai penyedia, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) perlu menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan agar ia menepati keperluan semasa industri supaya tidak wujud sindrom ‘mismatch’.

“Kursus-kursus yang ditawarkan perlu ditambah baik dengan elemen-elemen digitalisasi, automasi dan lain-lain yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0,” katanya pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KSM di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, KSM akan memartabatkan imej TVET negara.